



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



CABARAN GURU DALAM PELAKSANAAN PENGAJARAN ANAK-ANAK ASNAF

CHALLENGES FACED BY TEACHERS IN TEACHING ASNAF CHILDREN

Ernie Adnan¹, Roziah Ramli², Naziroh Ibrahim³, Masni Jamin⁴

¹ Department of Planning, Research and Innovation, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: ernieadnan@ipgm.edu.my

² Department of Planning, Research and Innovation, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: roziahramli@ipgm.edu.my

³ Department of Planning, Research and Innovation, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: naziroh.ibrahim@ipgm.edu.my

⁴ Department of Planning, Research and Innovation, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: masni@ipgm.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 28.03.2023

Revised date: 19.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Adnan, E., Ramli, R., Ibrahim, N., & Jamin, M. (2023). Cabaran Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran Anak-Anak Asnaf. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 577-586.

DOI: 10.35631/IJEPC.850041

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pengajaran anak-anak asnaf merupakan aspek penting dalam pendidikan yang bertujuan memenuhi keperluan pendidikan dan pembangunan holistik bagi golongan yang memerlukan bantuan. Guru-guru memainkan peranan utama dalam menjalankan tanggungjawab ini. Namun, kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf ini masih terlalu kurang dilaksanakan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf dari aspek kaedah pengajaran dan penggunaan sumber semasa pelaksanaan pengajaran. Kajian kuantitatif ini menggunakan persampelan secara rawak yang melibatkan enam puluh orang guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran anak-anak asnaf. Kaedah yang digunakan bagi menganalisis data ialah deskriptif serta Ujian t. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis dua elemen cabaran guru melalui 5 item soal selidik yang dijawab oleh guru. Manakala analisis ujian t akan menjelaskan keperluan guru terhadap penambahbaikan sumber dan kaedah pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan lebih dari 70% (n=42) peserta kajian berdepan dengan cabaran dari aspek sumber pengajaran. Meskipun begitu, lebih dari 60% (n=36) peserta kajian telah mencuba sedaya upaya untuk memastikan ketersediaan, penggunaan dan kesesuaian bahan sumber pengajaran yang digunakan di dalam kelas dan senantiasa merujuk kepada pakar yang dapat membantu memperbaiki pengajaran mereka. Implikasinya, kajian ini berjaya memaparkan realiti cabaran yang dialami oleh guru dalam mengajarkan anak-anak asnaf. Laporan dan cadangan daripada kajian ini dapat menjadi panduan kepada pihak

pengurusan zakat dalam usaha menyokong dan memperkuat kapasiti guru dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak asnaf.

Kata Kunci:

Anak-Anak Asnaf, Cabaran Guru, Sumber Pengajaran

Abstract:

Teaching *asnaf* children is an important aspect of education aimed at meeting the educational and holistic development needs of those requiring assistance. Teachers play a crucial role in fulfilling this responsibility. However, studies on the challenges faced by teachers in teaching *asnaf* children are still limited in Malaysia. Therefore, the purpose of this research is to analyse the challenges faced by teachers in teaching *asnaf* children in terms of teaching methods and the use of resources during teaching instruction. This quantitative study utilized random sampling involving sixty teachers who are directly involved in teaching *asnaf* children. Descriptive statistics and t-tests were used to analyse the data. Descriptive analysis was employed to analyse the two elements of the teachers' challenges through five questionnaire items. While the analysis of the t-test explain the teacher's need for improving teaching resources and methods. The research findings indicate that more than 70% (n=42) of the study participants faced challenges in terms of teaching resources. However, over 60% (n=36) of the study participants made every effort to ensure the availability, utilization, and suitability of teaching resources used in the classroom and consistently sought assistance from experts to enhance their teaching. Consequently, this study successfully depicts the reality of challenges experienced by teachers in teaching *asnaf* children. The report and recommendations from this study can serve as a guide for zakat management in supporting and strengthening the capacity of teachers in delivering quality education to *asnaf* children.

Keywords:

Asnaf Children, Teacher Challenges, Teaching Resources

Pendahuluan

Pengajaran anak-anak asnaf merupakan satu cabaran yang signifikan dalam sistem pendidikan serta memerlukan penglibatan guru yang berdedikasi dan kompeten. Anak-anak asnaf merujuk kepada golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan khas, termasuk mereka yang kurang berkemampuan, yatim piatu, atau mempunyai keperluan khas (Batjo & lain-lain, 2021). Guru-guru memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak asnaf, memenuhi keperluan pendidikan mereka dan membantu dalam pembangunan holistik (Fakhruddin, 2020).

Namun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh guru dalam usaha pengajaran anak-anak asnaf. Cabaran-cabaran ini meliputi aspek sumber pengajaran yang terhad, perbezaan keperluan individu dalam kelas yang pelbagai, serta keperluan untuk merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan keupayaan dan pembelajaran anak-anak asnaf. (Mokhtar & Mahamod, 2018; Ku Mahamud & Shaari, 2020; Ramli & lain-lain, 2021). Selain itu, guru-guru juga perlu berhadapan dengan cabaran emosi dan psikologi yang mungkin timbul dalam hubungan dengan anak-anak asnaf.

Walau bagaimanapun, kajian terhadap cabaran pengajaran guru terhadap anak-anak asnaf masih terhad di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf. Kajian ini akan melibatkan penyelidikan secara menyeluruh ke dalam pengalaman guru-guru yang terlibat dalam pengajaran anak-anak asnaf, dengan memberi tumpuan kepada aspek sumber pengajaran, perancangan pengajaran, dan cabaran emosi yang berkaitan.

Dengan mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran-cabaran ini, langkah-langkah dapat diambil untuk meningkatkan sokongan dan pembangunan profesional guru-guru yang terlibat dalam pengajaran anak-anak asnaf. Dalam artikel ini, kami akan membincangkan hasil kajian tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf, serta merumuskan cadangan dan saranan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi anak-anak asnaf.

Sorotan Literatur

Sebelum menyelidik mendalam lagi topik penyelidikan ini, beberapa hal perlu dibincang dalam penyelidikan ini dengan lebih terperinci melalui sorotan kajian. Hal ini membolehkan pembaca dapat mendalami objektif dan tujuan kajian ini melalui deskripsi naratif oleh kajian terdahulu. Melalui kajian terdahulu fokus kajian memberi penekanan kepada cabaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran daripada pelbagai perspektif. Selain itu, kajian ini akan menyorot beberapa kajian yang memberi fokus kepada pendidikan anak-anak asnaf.

Cabaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Guru dan pengajaran tidak dapat dipisahkan. Hal ini merupakan kerja hakiki yang perlu dilaksanakan oleh guru di sekolah. Menurut (Vygotsky & lain-lain, 1979; Vygotsky, 2020; Hidayat & Wijayanto, 2021), pengajaran dan pembelajaran harus melibatkan kolaboratif antara guru dan murid. Beliau berpendapat bahawa komunikasi sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru berperanan sebagai fasilitator di dalam kelas. Guru dapat melahirkan pelajar yang berimpak positif berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Namun melahirkan insan seimbang dan harmonis ini guru menghadapi pelbagai cabaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat dibuktikan apabila kajian oleh kajian Amran dan lain-lain (2019) menjelaskan bahawa pelbagai cabaran dihadapi oleh guru pendidikan khas dalam pengajaran pembelajaran seperti komitmen, bebanan tugas, tahap kompetensi guru yang rendah dan pembangunan profesionalisme guru yang terhad dan ketandusan sokongan ibu bapa dalam amalan pengajaran dan pembelajaran.

Hal ini sama dipersetujui oleh Zaini dan lain-lain (2019) , apabila kajian yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Arab, cabaran utama yang dapat dilihat oleh pengkaji bersandar kepada faktor guru, faktor bahan bantu mengajar dan faktor persekitaran. Begitu juga dengan kajian oleh Mohamad dan lain-lain (2022), menyatakan bahawa guru-guru menghadapi cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran dalam melaksanakan kerja amali Kimia. Guru menghadapi cabaran dari segi infrastruktur, masa, kewangan dan kesediaan guru dalam menerapkan PAK-21 dalam kerja amali. Kajian oleh Rusdin dan Ali (2019) pula melihat bahawa guru berhadapan dengan cabaran-cabaran seperti kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi serta resos dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang terhad semasa mengajar di sekolah. Berdasarkan dapatan, cabaran guru ini menyebabkan guru-guru keletihan dalam menyediakan bahan pengajaran kerana mengajar lebih daripada satu mata pelajaran. Selain itu, guru juga menghadapi cabaran kewangan dalam penyediaan bahan

bantu mengajar dan perlu mempunyai komitmen yang tinggi bagi menghadapi pelajar di sekolah. Selain itu, kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi di sekolah juga menjadi cabaran dalam guru melaksanakan proses pengajaran yang berkesan. Tidak kurang juga dengan cabaran kewangan yang dihadapi oleh guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar.

Cabaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Asnaf


Dalam bahagian ini, pengkaji cuba menyorot beberapa kajian berkaitan asnaf yang telah menjadi fokus pengkaji terdahulu. Kamus Dewan (2014) mentakrifkan asnaf sebagai golongan yang berhak menerima zakat yang diperoleh daripada sumbangan individu yang wajib membayar zakat. Mereka ini terdiri daripada lapan golongan yang tersenarai dan mendapat bantuan untuk pendidikan melalui institusi pendidikan seperti sekolah rendah mahupun menengah, pusat-pusat pengajian dan juga universiti. Takrif ini membawa kepada kita bahawa golongan asnaf merupakan mereka yang perlu dibantu untuk mendapatkan pendidikan yang setimpal seperti orang lain. Menyorot kajian oleh (Junoh & lain-lain, 2022) pendidikan merupakan salah satu kaedah atau tiket penting yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan individu daripada kepompong kemiskinan. Kajian ini memberi fokus kepada peranan institusi zakat kepada golongan asnaf dalam memberi bantuan pendidikan bagi membangunkan ekonomi asnaf dan menyumbang pembangunan ekonomi negara. Kajian ini bersandar daripada laporan keciciran asnaf dalam pendidikan disebabkan oleh masalah kewangan. Melalui bantuan pusat zakat, keciciran asnaf dapat dikurangkan dan bantuan dalam pendidikan memberi implikasi kepada pembangunan ekonomi negara.

Kajian juga telah dijalankan oleh (Abu Bakar dan lain-lain, 2022), yang memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh asnaf bagi memenuhi tuntutan keperluan asas golongan asnaf. Asnaf menurut Saud and Khafidz (2018), merupakan golongan yang wajib dibantu dan mereka perlu bijak dalam menggunakan bantuan yang diberi oleh pusat zakat. Akibat daripada cabaran ini, institusi zakat memainkan peranan penting bagi mengubah kehidupan golongan ini melalui pendidikan yang lebih bersistematik. Kajian ini bertujuan mengkaji bantuan zakat yang diberi dan kesan bantuan terhadap kualiti hidup. Dapatan mendapati bantuan yang diberi oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) dan Sekolah Zakat Kedah (SZK) dapat membantu kelangsungan operasi sekolah, memberi akses pendidikan kepada anak-anak asnaf dan juga memberi peluang kepada guru dan komuniti sekitar untuk menyokong dan menambah baik kehidupan golongan ini secara tidak langsung. Hal ini juga disokong oleh kajian Mohd Noor, Abdul Rahim, dan Md. Hussain (2020) pelajar asnaf di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang mendapat bantuan zakat menggunakan aplikasi e-wallet (kiplePay) ini dapat menggunakan bantuan bagi kelangsungan hidup untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik demi pembangunan ekonomi keluarga.

Kajian penyelidikan terdahulu ini menjelaskan bahawa kajian berkaitan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru berkisar kepada beberapa faktor yang sama, iaitu kekangan masa, sumber kewangan, kemudahan infrastruktur, faktor guru yang tidak komited dan pelbagai lagi walaupun kajian dilakukan dalam situasi yang berbeza telah dijalankan secara meluas di Malaysia oleh pengkaji terdahulu. Namun begitu, kajian yang sedemikian terhadap guru yang mengajar anak-anak asnaf masih terbatas. Bagi kajian asnaf pula hanya berkisar kepada bantuan yang diberi oleh pusat zakat kepada golongan ini. Oleh itu, satu kajian yang memberi pengkhususan kepada mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar golongan asnaf akan dikaji.

Metodologi

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis cabaran guru dalam pengajaran anak-anak asnaf di tiga buah sekolah di daerah Kuala Perlis, Perlis. Analisis kuantitatif dilaksanakan tentang cabaran guru dalam dua aspek iaitu kaedah pengajaran dan sumber pengajaran. Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap keperluan guru terhadap kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan tahap penggunaan sumber semasa melaksanakan pengajaran anak-anak asnaf. Laporan kajian ini akan memberi implikasi terhadap keperluan dan penambahbaikan yang dapat boleh dilakukan oleh guru dan juga sumbangan dan bantuan yang dapat disalurkan oleh pusat zakat kepada sekolah. Statistik yang akan digunakan bagi menganalisis data adalah secara deskriptif dan ujian t. Analisis deskriptif akan menganalisis dua elemen yang menjadi cabaran guru melalui 5 item soal selidik yang dijawab oleh guru. Manakala analisis ujian t akan menjelaskan sejauhmana keperluan guru terhadap penambahbaikan sumber dan kaedah pengajaran. Rajah 1 adalah carta alir pelaksanaan kajian yang dilaksanakan.



Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Kajian

Sampel dan Populasi Kajian

Populasi kajian terdiri dari 142 orang guru-guru sekolah rendah yang mengajar anak-anak asnaf. Seramai 60 orang guru yang dipilih secara persampelan rawak dari 3 buah sekolah merupakan sampel kajian yang telah menjawab 15 item soal selidik. Pemilihan sampel guru dari sekolah tersebut adalah berdasarkan data laporan murid asnaf yang diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri Perlis. Jumlah murid asnaf dilaporkan adalah sebanyak 80% daripada keseluruhan murid yang berada di sekolah-sekolah terlibat.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian diadaptasi dan diubahsuai dari Model *Partnership for 21st Century Skills* mengikut keperluan persoalan kajian. Soal selidik ini mengandungi 6 dimensi amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21. Namun hanya dua elemen bebas ditentukan untuk keperluan kajian ini. Sebanyak lima item soal selidik dibina untuk dua elemen tersebut iaitu, sumber pengajaran dan kaedah pengajaran.


Jadual 1: Soal Selidik berdasarkan Model *Partnership for 21st Century Skills*

Item	Soalan
5 item berkaitan sumber pengajaran	1. Saya sentiasa memastikan bahan sumber pengajaran disediakan di sekolah 2. Saya sentiasa menggunakan bahan sumber dalam setiap pengajaran 3. Saya sentiasa menyesuaikan bahan sumber dengan aktiviti pengajaran 4. Saya tidak menghadapi masalah dalam penggunaan bahan sumber 5. Saya sentiasa merujuk pihak yang dapat membantu pengajaran saya

5 item berkaitan kaedah pengajaran	1. Saya sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran di sekolah
	2. Saya melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dengan bermakna
	3. Saya memastikan kaedah pengajaran disesuaikan dengan aktiviti yang berkesan
	4. Saya suka merancang kaedah baru yang lebih berkesan sesuai dengan abad 21
	5. Saya sentiasa mengikuti perkembangan pengajaran abad 21

Pengumpulan Data

Lima soalan bagi setiap elemen bebas dalam satu set soal selidik guru-guru dibina dengan mengambil kira saranan dan diadaptasi daripada Model *Partnership 21 Century Skills*. Pengumpulan data soal selidik dibina bagi menjawab objektif kajian berkaitan cabaran guru terhadap penggunaan bahan sumber dan kaedah pengajaran anak-anak asnaf di 3 buah sekolah yang diterangkan di atas. Rajah 2 di bawah menjelaskan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian mengikut perancangan fasa satu hingga fasa empat. Pengumpulan data untuk kajian ini dilakukan secara deskriptif dengan mengumpulkan maklumat tentang pembolehubah kajian melalui instrumen soal selidik dan dianalisis secara deskriptif menggunakan statistik seperti min, maks, purata, dan taburan. Selain daripada pendekatan deskriptif, kami juga akan menggunakan ujian t untuk menganalisis perbezaan statistik antara pembolehubah kajian.



Rajah 2: Kaedah Pengumpulan Data Kajian

Analisis Data

Jadual 2 menerangkan kaedah pengumpulan data dan analisis data kajian bagi menjawab objektif kajian berkaitan cabaran pengajaran guru anak-anak asnaf. Dengan menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan pendekatan deskriptif dan ujian t, kajian ini dapat mengumpulkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian dan menyumbang kepada pemahaman dalam bidang yang dikaji. Kaedah ini memberikan kepelbagaian data yang mencerminkan variasi populasi dan membolehkan penekaji membuat kesimpulan berdasarkan analisis yang teliti dan terperinci.

Jadual 2: Kaedah Analisa Data Kajian

	Soal Selidik	Statistik deskriptif dan Ujian t
Model <i>Partnership 21</i> <i>Century Skills</i>	Melihat respon guru terhadap sumber dan kaedah	Melihat keperluan penambahbaikan kepada bahan sumber dan kaedah pengajaran guru

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian berikut membentangkan dapatan kajian serta perbincangan data daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada guru-guru. Jadual 3 memaparkan dapatan dari aspek pertama yang dikaji iaitu tentang cabaran guru dari aspek sumber pengajaran. 63% (n=38) dari keseluruhan peserta kajian menyatakan bahawa mereka senantiasia cuba untuk memastikan ketersediaan bahan sumber pengajaran di sekolah. Dapatan memaparkan 65% (n=39) peserta kajian menggunakan bahan sumber dalam setiap pengajaran di dalam kelas. Kebanyakan peserta kajian juga menyatakan bahawa mereka senantiasia menyesuaikan bahan sumber dengan aktiviti pengajaran (60%, n=36). Walaubagaimanapun, 90% (n=54) peserta kajian bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dalam penggunaan bahan sumber di sekolah. Kesimpulannya, data menunjukkan lebih dari 70% (n=42) peserta kajian berdepan dengan cabaran dari aspek sumber pengajaran. Dapatan ini adalah sejajar dengan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Zaini dan lain-lain (2019) serta Rusdin dan Ali (2019) yang juga mengenalpasti kekurangan sumber pengajaran sebagai salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru. Meskipun begitu, lebih dari 60% (n=36) peserta kajian mencuba sedaya upaya untuk memastikan ketersediaan, penggunaan dan kesesuaian bahan sumber pengajaran yang digunakan di dalam kelas dan sentiasa merujuk kepada pakar yang dapat membantu memperbaiki pengajaran mereka.

Jadual 3: Cabaran Guru Dari Aspek Sumber Pengajaran

Item	%				
	1	2	3	4	5
1. Saya sentiasa memastikan bahan sumber pengajaran disediakan di sekolah	0	0	11 (7)	63 (38)	25 (15)
2. Saya sentiasa menggunakan bahan sumber dalam setiap pengajaran	0	0	10 (6)	65 (39)	25 (15)
3. Saya sentiasa menyesuaikan bahan sumber dengan aktiviti pengajaran	0	0	5 (3)	60 (36)	35 (21)
4. Saya tidak menghadapi masalah dalam penggunaan bahan sumber	15 (9)	75 (45)	10 (6)	0	0
5. Saya sentiasa merujuk pihak yang dapat membantu pengajaran saya	0	0	7 (4)	63 (38)	30 (18)
1: Sangat tidak setuju 2: Tidak setuju 3: Agak setuju 4: Setuju 5: Sangat setuju () menunjukkan bilangan peserta					

Jadual 4 menerangkan tentang cabaran guru dari aspek kaedah pengajaran. Berdasarkan dapatan kajian, 75% (n=45) peserta kajian menyatakan bahawa mereka senantiasia mempelbagaikan kaedah pengajaran di sekolah manakala 73% (n=44) melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dengan bermakna. Tambahan lagi, 68% (n=41) peserta kajian sentiasa memastikan kaedah pengajaran disesuaikan dengan aktiviti yang berkesan dan peratusan yang sama suka merancang kaedah baru yang lebih berkesan sesuai dengan abad 21. 70% (n=42)

pula sentiasa mengikuti perkembangan pengajaran abad 21. Secara keseluruhannya, hampir keseluruhan peserta kajian kurang menghadapi cabaran dari aspek kaedah pengajaran.

Jadual 4: Cabaran Guru Dari Aspek Kaedah Pengajaran

Item	%				
	1	2	3	4	5
1. Saya sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran di sekolah	0	0	5 (3)	75 (45)	20 (12)
2. Saya melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dengan bermakna	0	0	7 (4)	73 (44)	20 (12)
3. Saya memastikan kaedah pengajaran disesuaikan dengan aktiviti yang berkesan	0	0	8 (5)	68 (41)	24 (14)
4. Saya suka merancang kaedah baru yang lebih berkesan sesuai dengan abad 21	0 (7)	2 (1)	18 (11)	68 (41)	12 (7)
5. Saya sentiasa mengikuti perkembangan pengajaran abad 21	0	0	15 (9)	70 (42)	1 (9)

1: Sangat tidak setuju 2: Tidak setuju 3: Agak setuju 4: Setuju 5: Sangat setuju
() menunjukkan bilangan peserta

Ujian t telah dijalankan terhadap kedua-dua aspek cabaran guru dalam pengajaran anak-anak asnaf iaitu sumber pengajaran dan kaedah pengajaran. Dapatan daripada ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sumber pengajaran dan kaedah pengajaran dalam pengajaran anak-anak asnaf ($t(60) = 1.35$, $p = 0.180$). Hasil ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua aspek ini dalam konteks pengajaran anak-anak asnaf.

Penutup

Kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf. Dalam melaksanakan kajian ini, maklumat dan data yang diperolehi telah memungkinkan para penyelidik untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam konteks pengajaran anak-anak asnaf. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru adalah kekurangan sumber pengajaran. Fenomena ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang keadaan sebenar di lapangan dan menyediakan landasan yang kukuh untuk cadangan dan tindakan yang sesuai dalam memperbaiki isu ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian ini telah berjaya mengenal pasti dan mengungkapkan cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf, terutamanya dalam aspek kekurangan sumber pengajaran.

Dalam konteks ini, kajian ini memberikan sumbangan yang penting kepada guru-guru dalam memahami cabaran pengajaran anak-anak asnaf. Dengan memahami cabaran-cabaran ini, guru-guru dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi dan menghadapinya. Selain itu, guru-guru akan dapat meningkatkan kecekapan pengajaran mereka dan memberikan sokongan yang lebih baik kepada anak-anak asnaf dalam konteks pendidikan. Dapatan kajian ini juga memberi panduan kepada pemegang taruh seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perlis (MAIPs) dalam membangunkan strategi dan program sokongan yang lebih efektif. Penyumbang dana

pendidikan dari MAIPs juga akan membolehkan penyelidikan ini dapat dilaksanakan dan seterusnya memberi manfaat kepada pendidikan di negeri Perlis secara khususnya.

Dalam melangkah ke hadapan, terdapat beberapa halatuju yang perlu diberikan perhatian. Pertama, pihak pengurusan zakat dan pihak berkepentingan lain perlu menyokong dengan memberikan peruntukan untuk latihan dan pembangunan profesionalisme guru, memastikan akses kepada sumber pengajaran yang berkualiti, dan memperbaharui prasarana yang diperlukan. Kedua, kerjasama dan kolaborasi dengan pakar pendidikan dan pihak-pihak lain yang relevan adalah penting untuk meningkatkan kecekapan pengajaran guru dalam menghadapi keperluan pembelajaran anak-anak asnaf. Ketiga, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengkaji lebih mendalam cabaran yang dihadapi oleh anak-anak asnaf dan memastikan langkah-langkah yang sesuai diambil untuk memenuhi keperluan mereka. Melalui langkah-langkah ini, diharapkan pengajaran anak-anak asnaf dapat diperbaiki secara berterusan, memenuhi keperluan pendidikan mereka, dan membangunkan potensi mereka secara holistik.

Oleh yang demikian, kajian ini menjadi landasan penting bagi perubahan dan peningkatan dalam pengajaran anak-anak asnaf. Dengan sokongan dan usaha yang berterusan, kita dapat memastikan anak-anak asnaf menerima pendidikan berkualiti dan peluang pembangunan yang setara dengan yang lain.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran daripada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE), Perlis, Malaysia. (Geran Jangka Pendek STG-014).

Rujukan

- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhamad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- Abu Bakar, N. A., Hashim, N., Othman, A., Md Tahir, R., & Mohd Azlan, M. N. N. (2022). Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 7(1), 60–75. <https://doi.org/10.32890/ijib2022.7.1.5>
- Aliim Hidayat, R., & Wijayanto, Z. (2021). Pengembangan Model Pembelajaran Berbasis Sosial Humanistik Dalam Meningkatkan Kemampuan Komunikasi Matematis Peserta Didik Sekolah Dasar. *Taman Cendekia: Jurnal Pendidikan Ke-SD-An*, 5(2), 655–669. <https://doi.org/10.30738/tc.v5i2.11115>
- Arniza Mokhtar, & Zamri Mahamod. (2018). Jenis-jenis penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran guru bahasa melayu berdasarkan tajuk pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 8(1), 22–32.
- Batjo, N., Ambotang, A. S., Taat, M. S., Mosin, M., Shaari, A. S., & Talip, R. (2021). Pengaruh pengurusan pengajaran dan pembelajaran terhadap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di Sabah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 13–31.
- Fakhruddin, A., & Awang, A. (2020). Sorotan literatur terhadap cabaran pendidikan Islam anak-anak mualaf di Malaysia: Literature review on the challenges of Islamic education among converts' children in Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 444-455.

- Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid, & Manisah Mohd. Ali. (2019). Cabaran Guru Pendidikan Khas Pada Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 113–122. www.ijepc.com
- Kamus Dewan (Edidi Keempat). (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noor, M. M., Abdul Rahim, A. K., & Bin Md. Hussain, M. N. (2020). Bantuan Zakat Kepada Asnaf Pelajar Menerusi Aplikasi E-Wallet (Kiplepay): Analisis Di Universiti Utara Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 102–115. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no01.13>
- Mohamad, N. Z. A., Mohd Yusoff, N., & Kushairi, N. (2022). Pengendalian Kerja Amali dan Cabaran Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Mata Pelajaran Kimia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 161–174. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1229>
- Nor Asmira Mat Junoh, Zanirah Mustafa, Noraini Junoh, Nor Azmila Yusof, & Ahmad Murshidi Mustapha. (2022). Pendidikan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Sinergi Dana Zakat dalam Membasmi Keciciran. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1, 72–76.
- Ramli, R., Awang, M. I., & Yusoff, N. M. (2021). Teacher readiness in applying ATL skills in the International Baccalaureate Middle Years Programme Schools. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 10(4), 1409–1416.
- Rusdin, N. M., & Ali, S. R. (2019). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of Islamic Civilization and Technology Management*, 2013–2025. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
- Saud, N. F. B., & Khafidz, H. B. A. (2018). Persepsi Pelajar Institut Profesional Baitulmal Terhadap Permohonan Bantuan Zakat Pendidikan MAIWP. *Fikiran Masyarakat*, 6(2), 51–56. <http://kemalapublisher.com/index.php/fm/article/view/304>
- Vygotsky, L. S. (2020). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. (Accounting in Australia, Ed., RLE Accounting) (pp. 503–503).
- Vygotsky, L. S., Cole, M., John-Steiner, V., Scribner, S., Souberman, E., & Wertsch, J. V. (1979). L. S. Vygotsky: Mind in Society. The Development of Higher Psychological Processes. *The American Journal of Psychology*, 92(1), 166. <https://doi.org/10.2307/1421493>